



---

Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.40 (21)

Tarikh: 1 Ogos 2012

Ketua Pengarang,

Harian Metro

**Akhbar** : **Harian Metro**  
**Tarikh** : **30 Julai 2012**  
**Perkara** : **10 Tahun Terbangkalai**

---

Dengan hormatnya artikel bertajuk ' 10 Tahun Terbangkalai ' bertarikh 30 Julai 2012 adalah berkaitan.

2. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) khususnya Jabatan Perumahan Negara (JPN) merujuk kepada artikel tersebut, ingin memaklumkan bahawa pemajuan Pangsapuri Anggerik di Sungai Udang, Klang telah dimajukan oleh syarikat FSK Development Sdn. Bhd. Tarikh Perjanjian Jual Beli (PJB) pertama adalah pada 25 Ogos 2001 dan tarikh patut siap adalah pada 25 Ogos 2004. Berdasarkan kepada status terkini, pembangunan fizikal projek telah mencapai 85%. Diantara kerja-kerja pembangunan yang telah disiapkan oleh pihak pemaju adalah seperti kerja-kerja perpaipan bekalan air, pemasangan sistem pili bomba dan pembinaan jalan dengan meletakkan lapisan *crusher run*.

Berdasarkan kepada mesyuarat yang telah diadakan diantara pihak pemaju, wakil pembeli dan Jabatan Perumahan Negara pada 29 Mei 2012, pihak pemaju memaklumkan bahawa akan sedaya upaya untuk menyiapkan

pembinaan jalan raya (kos dianggarkan sebanyak RM 200,000) bagi kawasan perumahan tersebut untuk membolehkan pihak mereka untuk membuat *progress claim* kepada pihak bank dan seterusnya menyiapkan keseluruhan projek. Pada masa yang sama, akan berusaha untuk memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Malayan Banking Society Berhad (MBSB) bagi memperolehi kemudahan "pinjaman titian' untuk tujuan pembinaan infrastruktur bagi pemajuan ini dalam mengatasi masalah kewangan yang sedang dihadapi oleh pemaju.

Berdasarkan kepada mesyuarat tersebut, pihak pemaju telah diberi tempoh selama 6 bulan untuk menyiapkan keseluruhan pemajuan dan melakukan serahan kunci kepada para pembeli yang terlibat. Dalam mengurangkan beban kewangan yang dihadapi oleh para pembeli, pihak JPN bersedia untuk membantu dengan mengeluarkan Surat Pengesahan Projek Bermasalah kepada mana-mana para pembeli yang terlibat bagi penstrukturan semula pinjaman perumahan yang telah dibuat atau untuk pengeluaran wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk pembelian rumah baru. Bagi tujuan pengeluaran surat tersebut, para pembeli dikehendaki untuk menyerahkan satu salinan Perjanjian Jual Beli yang lengkap, satu salinan kad pengenalan dan alamat bank atau institusi kewangan yang terlibat.

---

**Jessylina Mat Lazim**  
**Ketua Komunikasi Korporat**  
**Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan**